# PURPLE BOOK
# 2024-2030

**PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Kelantan

# PURPLE BOOK
## 2024-2030

**PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Kelantan

# PURPLE BOOK
# 2024-2030

**PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Kelantan

# ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 1. | Perutusan Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan | i |
| 2. | Selayang Pandang Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi | ii |
| 3. | Sekapur Sireh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan | iii |
| 4. | Kata Aluan Yang Berusaha Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan | iv |
| 5. | Ringkasan Eksekutif | 1 |
| 6. | Sejarah Jabatan, Visi, Misi & Objektif | 2 |
| 7. | Logo & Fungsi Jabatan | 3 |
| 8. | Piagam Pelanggan | 4 |
| 9. | Teras & Objektif Pelaksanaan | 5 |
| 10. | Cabaran dan Halangan Pelaksanaan | 6 |
| 11. | Faktor-faktor Penentu Kejayaan | 7 |
| 12. | *Way Forward Purple Book* 2024-2030 | 10 |
| 13. | Teras 1: Memperkasakan Sistem Pengurusan Dan Tatakelola Jabatan | 12 |
| 14. | Teras 2: Memacu Pembangunan Komoditi Ternakan Ke Arah Keterjaminan Makanan Negeri dan Negara | 15 |
| 15. | Teras 3: Memperkukuhkan Program Biosekuriti Bagi Menjamin Kesihatan Haiwan Yang Diyakini Demi Kesejahteraan Manusia | 23 |
| 16. | Teras 4: Membudayakan Penggunaan Teknologi, Digital & Internet of Thing (IoT) | 32 |
| 17. | Teras 5: Memperkasa Jaringan Perniagaan & Rakan Strategik Jabatan Bagi Melahirkan Ikon Penternak | 35 |
| 18. | Teras 6: Memperkukuhkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sebagai Pusat Rujukan Pembangunan Komunit | 38 |
| 19. | Sidang Editorial | 42 |

**PERUTUSAN**
**YANG AMAT BERUSAHA USTAZ DATO’ PANGLIMA PERANG MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN**



Bismillahirrahmanirrahim,

وَلِكُلٍّ وِّجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيْهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرٰتِ ۗ اَيْنَ مَا تَكُوْنُوْا يَأْتِ بِكُمُ اللّٰهُ جَمِيْعًا ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

*Maksudnya* : Dan setiap umat mempunyai kiblat yang dia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam kebaikan. Di mana saja kamu berada, pasti Allah akan mengumpulkan kamu semuanya. Sungguh, Allah Maha kuasa atas segala sesuatu.

(Surah Al Baqarah 148)

Cabaran yang dihadapi sebagai penjawat awam seharusnya menjadi pemangkin kekuatan untuk membina integriti dan jati diri yang mampu mendepani segenap isu dan halangan. Dunia hari ini menuntut kita untuk terus membina keyakinan agar terus mampu menangani cabaran yang menjadi batu penghalang kepada kita untuk terus melangkah ke hadapan.

Justeru, ‘Purple Book’ yang dihasilkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini, merupakan satu inisiatif yang amat baik ke arah mencapai hala tuju Jabatan dengan mengoptimakan segala sumber yang ada. Dengan enam (6) teras yang digariskan, diharapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan akan terus cemerlang memacu perkembangan industri penternakan negara.

Bertepatan dengan Majlis Amanat Menteri Besar Kelantan Tahun 2024, turut dimansyurkan Pelan Tindakan Ekonomi Digital yang memfokuskan kepada ekonomi digital yang selari dengan kehendak syariat, inklusif, bertanggungjawab dan mampan. Ekonomi di dalam dunia pendigitalan seharusnya diaplikasikan dan bergerak seiring dengan arus kemodenan global. Kesinambungan dari itu, ‘Purple Book’ ini juga turut menyenaraikan jalinan teras yang memanfaatkan keupayaan digital dalam penyampaian perkhidmatan Veterinar kepada masyarakat.

Semoga ‘Purple Book’ ini dapat menjadi wadah utama kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan. Syabas dan tahniah diucapkan.



**YAB Dato' Panglima Perang**
**Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud**
**S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)**
**Menteri Besar Kelantan**

## SELAYANG PANDANG
## YANG BERHORMAT PENGERUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI, AGROMAKANAN & KOMODITI



Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, saya mengucapkan Syabas dan setinggi-tinggi Tahniah  kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan di atas kesungguhan dan kejayaan dalam menerbitkan Pelan Strategik Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan 2024-2030 atau ‘Purple Book’. Langkah proaktif Jabatan seharusnya dipuji dan menjadi contoh kepada semua agensi dalam Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan di negeri Kelantan.

‘Purple Book’ ini juga diibaratkan sebagai nadi penggerak matlamat Jabatan yang perlu dicapai dalam rangka lima (5) tahun ke hadapan. Pemikiran kritis dan kreatif pihak Jabatan dalam menterjemahkan buku ini menggambarkan inisiatif dan usaha Jabatan dalam mendepani cabaran dan isu berkaitan industri dunia penternakan semasa dan akan datang.

Enam (6) teras dirangka mencakupi segenap aspek perkhidmatan veterinar menunjukkan hala tuju yang jelas Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dan seharusnya tidak dipandang enteng. ‘Purple Book’ ini dilihat berunsurkan holistik dan saya yakin pelaksanaannya telah mengambilkira kekuatan sumber yang ada dalam mengekalkan Kelantan sebagai peneraju pembangunan industri penternakan dengan meletakkan rakyat sebagai keutamaan.

Akhir kata, adalah diharapkan ‘Purple Book’ ini akan memberi sumbangan yang bermakna kepada industri penternakan seterusnya mampu memartabatkan Jabatan ke satu peringkat pencapaian yang boleh dibanggakan. Semangat, kerjasama berpasukan, komitmen yang tidak berbelah bahagi serta tampuk kepimpinan yang dedikasi adalah kunci utama pelaksanaan ‘Purple Book’ ini dan saya amat yakin tiada yang mustahil untuk berjaya.

**YB Ustaz Hj Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail (J.M.K)**
**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan**
**Komoditi Negeri Kelantan**

**SEKAPUR SIREH**
**YANG BERHORMAT DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 105 berbunyi:

تَعْمَلُو كُنتُمْ بِمَا فَيُنَبِّئُكُم وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْغَيْبِ عَٰلِمِ إِلَىٰ وَسَتُرَدُّونَ ۖ وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَرَسُولُهُۥ عَمَلَكُمْ ٱللَّهُ فَسَيَرَى ٱعْمَلُوا۟ وَقُلِ

*Maksudnya : "Dan katakanlah; "Bekerjalah kamu maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."*

Syukur Alhamdullilah kerana dengan limpah kurniaNya, saya dizinkan untuk menukilkan kalam di dalam penerbitan buku Pelan Strategik Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2024-2030 @ 'Purple Book' ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan melalui Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bergerak seiring dalam memastikan perkhidmatan veterinar dapat dikembangkan dan disampaikan kepada masyarakat penternak secara bersepadu dengan mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

'Purple Book' ini merupakan satu langkah proaktif yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dalam menetapkan hala tuju dan perancangan yang jelas bagi tempoh 5 tahun dengan menggariskan Enam (6) Teras sebagai tonggak utama memacu pengembangan perkhidmatan yang lebih efisyen dan berdaya saing. Strategi-strategi yang dirancang diharapkan dapat meningkatkan kemampanan dan pertumbuhan industri penternakan dengan perkhidmatan yang kompeten serta kakitangan yang berkemahiran.

Semoga 'Purple Book' ini dapat dijadikan rujukan dan dimanfaatkan untuk kepentingan Jabatan dalam memartabatkan pembangunan industri ternakan di Negeri Kelantan.
Sekian dan Selamat Maju Jaya.

**YB Dato' Seri Kaya Setia**
**Dato' Haji Nazran bin Muhammad (P.J.N) (S.P.S.K) (Kelantan)**
**Setiausaha Kerajaan Kelantan**

# KATA ALUAN
# YANG BERUSAHA TIMBALAN PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KELANTAN



Assalamualaikum Warahmatullai Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pertama-tamanya, saya dengan rendah hati memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT yang telah memberikan keizinan dan kudrat untuk menerbitkan Buku 'Purple Book' Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan ini. Kegembiraan dan rasa bangga ini turut dikongsikan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan yang telah memberikan 100% komitmen, sumbangan dan percambahan idea dalam menghasilkan 'Purple Book' yang pertama kali dihasilkan oleh Jabatan ini.

Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan halangan, perkhidmatan veterinar yang telah bertapak di negeri ini sejak 95 tahun yang lalu sentiasa komited menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam, penternak dan pemain industri. Penerbitan 'Purple Book' ini akan menjadi panduan yang lebih jelas kepada kakitangan tentang hala tuju dan matlamat yang perlu direalisasikan untuk mengekalkan perkhidmatan yang cemerlang dan kekal relevan di dalam industri.

Saya amat optimis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan akan terus kekal dominan dalam bidang penternakan di Negeri Kelantan khususnya dan negara amnya terutama sebagai pengeluar ternakan berkualiti sebagai jaminan sekuriti makanan masa hadapan.

Enam (6) teras utama yang mengandungi 31 strategi dan 92 sasaran yang digariskan mencakupi segenap aspek perkhidmatan veterinar dijangka menjadi penggerak kepada perkhidmatan yang lebih mampan dan semoga apa yang dirancang ini dapat dijayakan dengan penuh bersemangat oleh semua peringkat kakitangan dan disambut baik oleh semua pihak yang berkaitan.

Amatlah diharapkan 'Purple Book' ini mampu memberi sumbangan yang besar kepada transformasi industri penternakan di negeri Kelantan dan mampu memberikan persaingan yang sihat kepada pembangunan komoditi ternakan dalam negara.

Sekian, Wassalam

**Tuan Haji Mohd Ridzuan bin Sulaiman**
**Timbalan Pengarah**
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan atau dikenali sebagai ‘Purple Book’ dibangunkan sebagai satu panduan bagi menetapkan hala tuju Pembangunan JPV Negeri Kelantan 2024-2030 melalui strategi yang komprehensif dan mampan.

Pembangunan ’Purple Book’ ini adalah diinspirasi daripada Dasar Membangun Bersama Islam khususnya kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Industri penternakan negeri Kelantan menghadapi cabaran dan isu bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat nasional. Di antara isu nasional yang sering dibangkitkan adalah ketersediaan bekalan daging mentah, bekalan susu, ternakan hidup bagi keperluan rakyat serta kawalan penyebaran penyakit ternakan yang dikaitkan dengan pergerakan ternakan dari Kelantan ke negeri-negeri lain. Tambahan pada itu, isu melibatkan kos penternakan yang tinggi disebabkan harga makanan ternakan dan harga pasaran ternakan yang tidak menentu serta saingan dengan jualan daging sejuk beku import di dalam pasaran yang dijual jauh lebih rendah berbanding dengan penternak dalaman.

Bagi mengatasi isu berkenaan, maka ‘Purple Book’ telah dirangka dengan mengandungi :




Pelaksanaan ‘Purple Book’ secara tersusun, berkesan dan efisien akan memastikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa relevan dan signifikan dengan perkembangan dunia teknologi digital dan menyumbang kepada hasil negeri Kelantan serta memastikan misi keterjaminan makanan negara tercapai.

## SEJARAH JABATAN

Perkhidmatan Haiwan di negeri Kelantan bermula pada tahun 1928, manakala Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan ditubuhkan pada tahun 1949. Pada tahun 1983, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan telah berpindah dari Jalan Telipot ke bangunan baru yang ada sekarang di Kubang Kerian.

Pada 2 April 2008 Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah melalui proses penjenamaan semula dan mula dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Selaras dengan perkembangan fungsi dan tanggungjawab, penyusunan semula organisasi Jabatan berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2009.

**VISI**

Pihak Berkuasa Veterinar yang kompeten berkhidmat untuk industri haiwan demi kesejahteraan manusia

**MISI**

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mapan demi kesejahteraan manusia

**OBJEKTIF**

- Memperkasa dan mengekalkan status kesihatan haiwan yang diyakini lagi kondusif untuk industri haiwan
- Mempastikan kesihatan awam melalui kawalan penyakit zoonotik dan penghasilan makanan berasaskan haiwan yang bersih dan selamat.
- Menggalakkan pengeluaran ternakan mapan dan industri tambah nilai.
- Meneroka, membangun dan menggalakkan penggunaan teknologi dan sumber secara optimum dalam industri berasaskan haiwan.
- Menganjurkan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan sistem pengeluaran.




**FUNGSI**

Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) 2004 seperti Warta Kerajaan Jilid 48, No. 13 bertarikh 24 Jun 2004 menyenaraikan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Veterinar;

- Mengawal, mencegah, dan menghapuskan penyakit haiwan dan zoonotik.
- Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan.
- Pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan.
- Pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil haiwan dan perkhidmatan kuarantin.
- Latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan.
- Pengembangan pengeluaran ternakan dan kesihatan haiwan serta kesihatan awam veterinar.
- Penyelidikan penyakit haiwan, dan sumber genetik haiwan.
- Mengawal kebajikan haiwan dan pemuliharaan bahan genetik haiwan

## PIAGAM PELANGGAN

1. Perkhidmatan kaunter sentiasa membantu dan melayani pelanggan dengan penuh mesra
2. Melayan dan menjawab semua aduan dalam tempoh tidak lebih tujuh (7) hari bekerja dari tarikh terima aduan tersebut
3. Pengeluaran Akuan Kebenaran Pindah Keluar (AKPK) bagi ternakan hidup atau produk ternakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima
4. Perkhidmatan dan rawatan haiwan kesayangan di Klinik Veterinar/Pusat Rawatan Veterinar akan diberikan dalam tempoh 30 minitt selepas pendaftaran Walaubagimanapun, tempoh ini tertakluk kepada :
    - Bilangan haiwan yang dirawat sebelumnya melebihi tiga (3) ekor
    - Rawatan kepada haiwan yang sebelumnya tidak melibatkan kes rawatan kronik dan kecemasan
    - Jumlah pelanggan tidak melebihi tiga (3) orang pada satu-satu orang pada satu-satu masa Ketika tempoh menunggu

    *(haiwan kesayangan: kucing, anjing, unggas, arnab)*
5. Perkhidmatan rawatan di lapangan bagi kes kecemasan akan diberikan kepada penternak berdaftar dalam tempoh 12 jam daripada waktu terima permohonan/aduan
6. Perkhidmatan penyiasatan penyakit di lapangan dijalankan dalam tempoh 24 jam daripada waktu terima aduan/laporan
7. Kelulusan memperbaharui lesen menternak unggas/babi dalam tempoh 90 hari bekerja selepas penerimaan dokumen yang lengkap dan mematuhi syarat lesen
8. Bagi perkhidmatan lapangan, khidmat nasihat, bimbingan dan teknikal diberikan kepada penternak berdaftar dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan
9. Memberi khidmat nasihat, kepakaran dan teknikal untuk Program Pengembangan Veterinar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan dibuat bagi maklumbalas awal dan langkah susulan dalam masa 14 hari bekerja kemudiannya

## 6 TERAS PURPLE BOOK

Enam (6) teras utama yang akan menjadi rujukan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan membawa hasrat dan perjuangan yang cukup besar terhadap pertumbuhan industri penternakan yang gemilang di negeri Kelantan.

1. Memperkasakan Sistem Pengurusan dan Tatakelola Jabatan
2. Memacu Pembangunan Komoditi Ternakan Ke Arah Keterjaminan Makanan Negeri dan Negara
3. Memperkukuhkan Program Biosekuriti Bagi Menjamin Kesihatan Haiwan Yang Diyakini Demi Kesejahteraan Manusia
4. Membudayakan Penggunaan Teknologi, Digital dan Internet of Things (IoT) Dalam Sistem Penyampaian Maklumat dan Perkhidmatan
5. Memperkasakan Jaringan Perniagaan Dan Rakan Strategik Jabatan Bagi Melahirkan Ikon Penternak
6. Memperkukuhkan Jabatan Sebagai Pusat Rujukan Pembangunan Komuniti Penternakan

### OBJEKTIF PELAKSANAAN

1. Menjamin mutu penyampaian perkhidmatan veterinar di tahap terunggul dan mencapai keharmonian di antara Jabatan dan pelanggan
2. Peningkatan hasil melalui pengukuhan perkhidmatan yang cemerlang dan kakitangan yang kompeten
3. Pembangunan terancang dan mampan melalui pengurusan sumber dan prasarana yang optimum seiring dengan pelaksanaan yang efisien
4. Memperkasakan perkhidmatan yang produktif dan berdaya saing seiring dengan perkembangan dan penggunaan teknologi selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)
5. Memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan mempertingkatkan produktiviti ke arah keselamatan dan keterjaminan makanan.

## 11 CABARAN DAN HALANGAN UTAMA KEJAYAAN JABATAN

1. Kekurangan kakitangan dan kepakaran/ kemahiran. 58.67% jawatan sahaja diisi
2. Kelemahan menguasai penggunaan teknologi maklumat. Ketinggalan dalam IR4.0 seperti penstandardan, teknologi, *Big Data & cloud computing*
3. Lambakan ternakan negara jiran & daging sejuk beku dengan harga rendah secara tidak langsung menjatuhkan industri ternakan
4. Kos makanan ternakan yang tinggi
5. Kurang sinergi di antara Jabatan, penternak dan orang awam
6. Tahap kompetensi pegawai teknikal yang masih rendah
7. Peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang terhad
8. Kos peralatan teknologi dan pembangunan sistem aplikasi yang tinggi
9. Kurang kesedaran tentang keperluan pelaporan penyakit haiwan dalam kalangan penternak dan Masyarakat
10. Kebergantungan maklumat berkaitan veterinar daripada sumber lain yang kurang tepat
11. Kekurangan tenaga pakar dalam pelbagai bidang kepakaran teknikal veterinar

## 7 FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

Pelaksanaan 'Purple Book' secara berkesan dan berstruktur akan mengatasi halangan dan cabaran sebagaimana yang dinyatakan di atas. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya, terdapat tujuh (7) faktor yang dikenalpasti sebagaimana berikut:



## HURAIAN FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

### 1. Kepimpinan dan Tatakelola Yang Menyeluruh

Kepimpinan dan tatakelola yang menyeluruh mempunyai definisi yang luas mencakupi kemahiran, pengalaman dan kejayaan pengurusan secara kolektif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan mempunyai nilai kepada pelanggan (orang awam, penternak, pemilik haiwan kesayangan) dan pemegang taruh. Faktor ini juga berkait rapat dengan strategi taktikal dan operasi serta keinginan mencapai yang terbaik dengan menerapkan budaya kerja yang positif.

### 2. Profesionalism Dan Komitmen Yang Tinggi

Komitmen yang tinggi dan kerjasama yang utuh daripada semua peringkat kakitangan pentadbiran dan teknikal sangat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan 'Purple Book' ini. Peranan pengurusan atasan pula adalah memberikan sokongan yang padu serta menyediakan sumber yang diperlukan. Setiap halangan dan cabaran yang dihadapi perlu diselesaikan secara bersepakat dengan setiap pihak memberikan pendapat dan pandangan yang mampu memacu ke arah hala tuju yang telah dimuktamadkan di dalam 'Purple Book'. Selain daripada itu sinergi yang baik dan sokongan daripada pemain industri, agensi dan jabatan lain juga turut menyumbang kepada faktor kejayaan.

### 3. Sumber Manusia dan Pemanfaatan Keupayaan Digital

Sumber manusia membawa pengertian kepada kakitangan yang bertindak sebagai pelaksana. Kakitangan berdedikasi membentuk semangat berpasukan yang kuat yang akan melaksanakan strategi yang ditetapkan sebagai satu sistem penyampaian yang berkesan ke peringkat akar umbi. Kakitangan yang dedikasi semestinya dilengkapkan dengan kepakaran, kemahiran, inovatif dan keupayaan memanipulasi/memanfaatkan keupayaan digital agar tidak ketinggalan dalam dunia Internet of Things (IoT).

### 4. Bajet Yang Mencukupi

Pelaksanaan strategi haruslah selari dengan bajet yang mencukupi kerana setiap perubahan atau program yang dirancang memerlukan peruntukan tertentu. Pembiayaan pembangunan infrastruktur, aplikasi teknologi baru, pengembangan perkhidmatan dan menambahnilai kompetensi kakitangan memerlukan kos tertentu.

## 5. Kefahaman Yang Jelas Terhadap Objektif dan Strategi Yang Dirancang

Tahap penglibatan kakitangan pentadbiran dan teknikal yang tinggi sangat diperlukan bagi memastikan mereka memahami dengan jelas objektif dan strategi 'Purple Book' yang ditetapkan dan mereka tahu fungsi dan peranan masing-masing bagi menjayakannya.

## 6. Pemantauan Prestasi dan Pengukuran Pencapaian

Pemantauan prestasi dan pengukuran pencapaian perlu dilakukan bagi tempoh suku atau setengah tahun bagi memastikan perjalanan strategi yang dirancang berada pada landasan yang betul. Pengukuran pencapaian dapat menentukan kemajuan atau status semasa dan tindakan pencegahan/pembetulan dapat dijalankan berdasarkan pengukuran tersebut.

## 7. Sinergi Dan Suasana Kerja Kondusif

Sinergi antara kakitangan jabatan perlu diperkukuhkan dengan suasana kerja yang kondusif dan sesuai dengan skop tugasan di bahagian masing-masing. Sinergi yang baik mampu mendukung pucuk kepimpinan mencapai hala tuju jabatan yang telah digariskan dan meningkatkan prestasi kakitangan untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi selari dengan visi dan misi jabatan.

Strategi di dalam 'Purple Book' ini dirangka untuk kepentingan pelbagai pihak, bukan sahaja kepada penggubal dasar tetapi kepada *'stakeholder'* yang mempunyai kaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar secara langsung atau tidak langsung.

Peranan jabatan dalam memberikan perkhidmatan veterinar yang cekap oleh kakitangan yang kompeten adalah mustahak bagi menjamin kesihatan awam dan pembangunan industri ternakan sebagai jaminan keselamatan makanan negara. Menjelang tahun 2030, pengeluaran daging atau sumber protein utama dapat mengurangkan kebergantungan kepada ternakan dari negara jiran dan daging import sejuk beku serta mampu meningkatkan pendapatan dan sosio ekonomi penternak terutamanya bagi negeri Kelantan.  Penerbitan 'Purple Book' ini adalah mengambil inspirasi daripada tema baru Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Kelantan Maju Rakyat Sejahtera: Kepimpinan Fasa Baru Ulama-Teknokrat.

Koordinasi, sinergi, kerja berpasukan dan rasa pemilikan bersama di kalangan pelbagai pihak adalah amat penting. Justeru itu, 'Purple Book' ini mampu menjadi pemacu kepada peningkatan mutu perkhidmatan veterinar dan pelestarian industri ternakan di negeri Kelantan khususnya dan Negara amnya.

# 12 OUTCOME PURPLE BOOK



1. Peningkatan populasi komoditi ternakan sebanyak 5% setahun



2. Purata pendapatan penternak dapat ditingkatkan daripada RM1,500 kepada RM3,500



3. Pertambahan pengeluaran susu segar SSL daripada 21.55% kepada 30% dalam tempoh 5 tahun



4. Pertambahan pengeluaran daging SSL daripada 28.6% kepada 50% dalam tempoh 5 tahun



5. Pertambahan pengeluaran daging ayam SSL daripada 10.58% kepada 15% dalam tempoh 5 tahun




6. Melahirkan kakitangan yang kompeten dan berkemahiran tinggi serta bilangan pegawai sumber Jabatan mengikut kepakaran semakin bertambah



7. Dengan penyampaian perkhidmatan yang efisien, aduan dari pelanggan dapat dikurangkan dan maklumabalas kepuasan hati pelanggan dapat ditingkatkan



8. JPV sebagai Pusat Rujukan Pembangunan Komuniti Penternakan



9. Peningkatan imej dan reputasi Jabatan termasuk kemudahan infrastruktur yang lengkap dan selesa kepada kakitangan dan pelanggan Jabatan




10. Mewujudkan sinergi  antara Jabatan, pihak berkepentingan, pemain industri, jabatan/agensi dan institusi yang berkaitan



11. Penubuhan 1 depot tahanan rampasan  ternakan & 1 ladang konservasi lembu Kedah-Kelantan



12. Pengawalan penyakit haiwan secara berterusan demi kelestarian & kesejahteraan kesihatan haiwan

# PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN

# 2024-2030

## TERAS 1

## MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN DAN TATAKELOLA JABATAN

## STRATEGI 1
## MENINGKATKAN MUTU SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN KEPADA PELANGGAN

**OBJEKTIF:**

1) Menempatkan pegawai yang bersesuaian dengan bidang tugas
2) Menyediakan dan mematuhi setiap Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi setiap tugas kakitangan

| SASARAN | PETUNJUK PRESTASI | TEMPOH | AGENSI/RAKAN STRATEGIK |
|---|---|---|---|
| 1) Melaksanakan kursus dan bengkel bagi memantapkan sistem penyampaian kakitangan (kemahiran komunikasi) | 1) 7 hari kursus bagi setiap kakitangan | 12 bulan | BPSM (SUK), Unit Latihan (JPVNK) |
| 2) Melaksanakan bengkel pemurnian MPK | 2) 1 kali bengkel pemurnian MPK | 60 bulan | |
| 3) Mewujudkan sistem pembayaran digital | 3) Pembayaran tanpa tunai di 11 kaunter pejabat atau secara dalam talian | 60 bulan | |

## STRATEGI 2
## MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KAKITANGAN SUPAYA LEBIH KOMPETEN

**OBJEKTIF:**

Melahirkan kakitangan yang berpengetahuan luas dan berwibawa

| SASARAN | PETUNJUK PRESTASI | TEMPOH | AGENSI/RAKAN STRATEGIK |
|---|---|---|---|
| 1) Melaksanakan kursus dan latihan berkaitan bidang tugas agar dapat menjadi Pegawai Sumber Jabatan | 1) 20 orang pegawai sumber dalam bidang berkaitan di Bahagian dan Unit | 24 bulan | BPSM (SUK), Bhgn Pemb. Industri Ternakan, Bhgn Kesihatan Veterinar (JPVNK) |

| STRATEGI 3<br>MENYEDIAKAN RUANG KERJA DAN KEMUDAHAN YANG KONDUSIF KEPADA KAKITANGAN | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF:**<br>1) Menyediakan ruang kerja yang seragam dan selesa kepada semua kakitangan<br>2) Menyediakan keperluan asas kakitangan seperti berada di rumah (Istilah Pejabat Sebagai Rumah Kedua Kakitangan) | | | |
| **SASARAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TEMPOH** | **AGENSI/RAKAN STRATEGIK** |
| 1) Menambahbaik semua fasiliti Jabatan yang rosak dan tidak berfungsi dengan ruang pejabat yang bersesuaian dan peralatan baru serta terkini | 1) 5 Bahagian di Ibu Pejabat dan 10 ruang kaunter pelanggan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan | 24 bulan | BPSM (SUK), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan (JPVNK) |

| STRATEGI 4<br>MENAIKKAN IMEJ & REPUTASI JABATAN SUPAYA LEBIH DIKENALI DI SELURUH NEGERI DAN NEGARA | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF:**<br>1) Mempromosikan segala aktiviti Jabatan kepada semua pihak yang berkaitan<br>2) Membuat Pelan Strategik Pembangunan Jabatan<br>3) Program Jabatan bersama Pihak Pengurusan SUK, DUN serta Jabatan/Agensi lain | | | |
| **SASARAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TEMPOH** | **AGENSI/RAKAN STRATEGIK** |
| 1) Pelan Strategik Pembangunan Jabatan dan diedarkan kepada seluruh Jabatan dan Agensi<br>2) Penerbitan Buletin Jabatan untuk diedarkan ke seluruh Jabatan dan Agensi<br>3) Program Jabatan bersama Pengurusan SUK, DUN dan Jabatan/Agensi lain | 1) Satu (1) Pelan Strategik Pembangunan Jabatan untuk 5 tahun<br>2) Buletin Jabatan setiap tiga (3) bulan sekali<br>3) 10 program bersama Jabatan | 12 bulan<br>Setiap 3 bulan<br>12 bulan | BPSM (SUK), Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Latihan (JPVNK) |

# PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN

# 2024-2030

## TERAS 2

## MEMACU PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN KE ARAH KETERJAMINAN MAKANAN NEGERI DAN NEGARA

## STRATEGI 1
## MENINGKATKAN KAPASITI INDUSTRI TERNAKAN RUMINAN DALAM NEGERI

**OBJEKTIF 1:**

Meningkatkan pengeluaran daging lembu/kerbau ke tahap Kadar Sara Diri (SSL) negeri sebanyak 50%

| SASARAN | PETUNJUK PRESTASI | TEMPOH | AGENSI/RAKAN STRATEGIK: |
|---|---|---|---|
| 1) Program Pawah Ternakan | 1) 1,500 penternak | 60 bulan | Bhgn Pemb. Industri Ternakan (JPVNK) & Agensi di bawah KPKM |
| 2) Geran Padanan | 2) Pelaksanaan pada tahun 2024 | 60 bulan | |
| 3) Skim Rezeki Ternak | 3) 100 penternak | 60 bulan | |
| 4) Program Agropreneur Muda | 4) 25 penternak | 60 bulan | |
| 5) Pengeluaran daging melalui Sistem Feedlot Lembu Pejantan | 5) 3 ladang | 60 bulan | |

**OBJEKTIF 2:**

Meningkatkan populasi induk berkualiti daripada anak betina yang dihasilkan

| SASARAN | PETUNJUK PRESTASI | TEMPOH | AGENSI/RAKAN STRATEGIK: |
|---|---|---|---|
| 1) Kempen ‘Jom Pakat Simpan Induk Berkualiti’ | 1) 1,500 ekor Induk | 60 bulan | Bhgn Pemb. Industri Ternakan (JPVNK) & Agensi di bawah KPKM |
| 2) Menambah populasi induk/anak betina hasil AI dengan pembiakan secara berstrategik | 2) Kelahiran anak betina 20,000 ekor | 60 bulan | |

| STRATEGI 2<br>PEMBANGUNAN LEMBU HIBRID PEDAGING NAIMBIF | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF:**<br>Menggalakkan penyertaan penternak ke dalam Program Pembangunan Lembu Naimbif terutamanya golongan muda | | | |
| **SASARAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TEMPOH** | **AGENSI/RAKAN STRATEGIK:** |
| 1) Akreditasi Sistem Penternakan Lembu Naimbif | 1) 50 ladang | 60 bulan | Bhgn Pemb. Industri Ternakan (JPVNK) |

| STRATEGI 3<br>PENGHASILAN BAKA TERNAKAN RUMINAN YANG BERKUALITI DAN BERPOTENSI | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF:**<br>Pemilihan baka-baka yang sesuai seperti baka Charolais, Limousin dan kacukan Kedah Kelantan untuk dibiakkan dalam negeri dan menitikberatkan peningkatan kualiti genetik ternakan | | | |
| **SASARAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TEMPOH** | **AGENSI/RAKAN STRATEGIK:** |
